

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SIKIJANG)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SIKIJANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan merupakan pilihan yang paling sesuai untuk golongan ibu yang berwarganegara Malaysia memandangkan dari tahun 2013 hingga 2018 hanya 3% permohonan sahaja yang telah diluluskan. Apakah penyelesaian lanjut yang dapat ditawarkan oleh pihak Kementerian kepada golongan ibu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua lelaki dan wanita warganegara Malaysia mempunyai hak dan peluang sama rata dalam memperolehi kewarganegaraan Malaysia bagi anaknya yang lahir di luar negara selaras dengan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Kementerian juga sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima di Kementerian. Setiap permohonan akan diproses dengan teliti bagi memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

Dalam hal ini, setiap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes.